



ABDULLAH AHMAD BADAWI bergambar bersama para penderma selepas melancarkan logo Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara (TAPPN) di Bandar Sunway, Selangor, semalam.

Rakyat digesa terus -perta

Oleh ROZILAN SALLEH
dan NAZERI NONG SAMAH

PETALING JAYA 16 Jun — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menggesa rakyat agar memastikan suasana aman dan selamat ketika ini terus dipertahankan supaya ekonomi negara dapat berkembang maju.

Menurut Perdana Menteri, suasana aman dan selamat amat penting untuk menarik pelabur terus melabur, manakala peniaga pula dapat menjalankan perniagaan dengan lancar.

"Di mana-mana negara yang dilanda huru-hara dan ekonominya terjejas, pelabur tidak akan berminat untuk datang kerana mereka tidak akan mendapat apa juga kebaikan atau keuntungan daripada usaha mereka.

"Keamanan dan keselamatan ini tidak muncul tiba-tiba atau datang sendiri, tetapi ia adalah hasil usaha kita semua yang menjaga keselamatan dan keamanan serta kedaulatan negara," katanya.

Abdullah yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri berkata demikian ketika melancarkan logo Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara (TAPPN) di sini, malam ini.

Beliau yang juga Pengerusi TAPPN turut merakamkan penghargaan atas sumbangan dan pengorbanan pasukan polis serta tentera dalam memastikan negara terus aman dan selamat.

Hadir sama ialah Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Zainal Abidin Zin

yang juga Naib Pengerusi TAPPN; Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Jeneral Tan Sri Mohd. Zahidi Zainuddin dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Bakri Omar.

Sehubungan itu, Abdullah menggesa rakyat Malaysia supaya tidak menangguhkan hasrat mereka untuk menghulurkan bantuan kepada mana-mana pihak yang memerlukan.

"Kita tahu hidup dalam dunia sekali sahaja, oleh itu ambil peluang berbakat untuk buat apa juga kebaikan sama ada dalam bentuk derma atau cara lain kepada masyarakat dan negara," katanya.

Menurutnya, masyarakat Malaysia dikenali sebagai sentiasa prihatin dan bersedia menghulurkan

bantuan kepada mana-mana pihak yang memerlukan.

TAPPN ditubuhkan pada 5 Oktober 1984 hasil gabungan Tabung Pertahanan Negara dan Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara.

Penubuhannya berdasarkan surat ikatan amanah yang ditandatangani pada 31 Oktober 1968 antara Menteri Dalam Negeri, Ketua-ketua Pengarang dan Pengarang Utusan Melayu, New Straits Times, Tamil Nesan, Sin Chew Jit Poh dan Nanyang Siang Pau dengan Pemegang Amanah Raya Malaysia.

Penubuhan TAPPN itu bertujuan memberi bantuan sugu hati, nafkah persekolahan dan peralatan ortopedik kepada anggota

tentera, polis dan orang awam yang terkorban atau cedera ketika berkhidmat serta anggota keluarga mereka.

Sehingga kini, TAPPN berjaya mengumpul RM7.1 juta hasil beberapa aktiviti yang dijalankan oleh ATM dan Polis Diraja Malaysia termasuk derma daripada orang awam dan syarikat korporat.

Sempena majlis pelancaran itu juga, TAPPN berjaya mengumpul RM-600,000 hasil sumbangan 11 syarikat korporat negara ini.

Antara penyumbang utama ialah Sapura Holdings Berhad, Resort World Berhad, UEM Group, KFC Holdings Berhad, Proton Berhad, CIMB dan KUB Malaysia Berhad.